

# SOALAN-SOALAN LAZIM PENERAJU SKIL DANA TVET

## **BAHAGIAN 1: PENERAJU SKIL DANA TVET 2019**

- A. BANTUAN AWAL PENGAJIAN
- B. PUSAT LATIHAN DAN BIDANG KURSUS

## **BAHAGIAN 2: PERMOHONAN**

- A. PERMOHONAN
- B. PENGHANTARAN DOKUMEN
- C. KEPUTUSAN

## **BAHAGIAN 1: BANTUAN AWAL PENGAJIAN- PENERAJU SKIL DANA TVET**

### **A. BANTUAN AWAL PENGAJIAN**

#### **1. Apakah bantuan yang diberikan di bawah program Peneraju Skil Dana TVET?**

Program Peneraju Skil Dana TVET merupakan satu program bantuan awal pengajian (sekali beri) yang diberikan kepada pelatih Bumiputera lepasan sekolah menengah/SPM/SVM/SKM yang berumur di antara 18 sehingga 25 tahun yang telah mendapat tawaran dan mendaftar untuk mengikuti kursus Sijil Kemahiran Malaysia atau Diploma Kemahiran / Diploma Teknologi di institusi latihan awam terpilih untuk tahun 2019. Program ini terbuka kepada pelatih dari keluarga berpendapatan RM4,000 ke bawah untuk Peneraju Skil Dana TVET-SKM manakala RM8,000 ke bawah untuk Peneraju Skil Dana TVET – Diploma Kemahiran / Teknologi.

#### **2. Berapakah kadar bantuan yang diberikan kepada pelatih yang berjaya?**

Untuk pelatih lepasan sekolah menengah /SPM/SVM/SKM, bantuan sebanyak RM500 diberikan untuk yuran pendaftaran kursus. Untuk pelatih lepasan SPM/SVM/SKM yang telah mendaftar untuk program Diploma, bantuan sebanyak RM3,000 diberikan untuk yuran pendaftaran merangkumi elaun sara hidup.

#### **3. Adakah pelatih yang sedang mengikuti kursus latihan kemahiran tahun kedua layak mendapat bantuan ini?**

Bantuan yang diberikan hanyalah untuk pelatih baru yang mendapat tawaran kemasukan ke institusi latihan dan telah mendaftar di institusi latihan tersebut pada tahun 2019.

#### **4. Adakah bantuan ini diberikan sepanjang kursus latihan kemahiran?**

Tidak. Bantuan ini diberikan sekali sahaja secara sekali beri semasa pelatih mendaftar masuk ke institusi latihan. Yayasan Peneraju tidak bertanggungjawab untuk membiayai keseluruhan kos kursus latihan kemahiran pelatih.

### **B. INSTITUT/PUSAT LATIHAN**

#### **1. Institusi atau pusat latihan manakah yang diliputi di bawah program ini?**

Pelatih boleh merujuk kepada senarai institusi latihan yang dilampirkan.

#### **2. Apakah bidang yang diliputi di bawah program ini?**

Kursus latihan kemahiran yang diliputi adalah untuk industri perkilangan, telekomunikasi, elektrik dan elektronik, minyak & gas, pembinaan, automotif, pengangkutan dan logistik.

## BAHAGIAN 2: PENGHANTARAN DOKUMEN

### A. PERMOHONAN

- 1. Bagaimanakah cara untuk pelatih memohon bantuan awal pengajian Peneraju Skil Dana TVET?**  
Pelatih perlu memuat turun borang permohonan dari laman sesawang Yayasan Peneraju atau mendapatkan borang tersebut daripada Bahagian Pengurusan Latihan Pelajar di institusi latihan masing-masing.
- 2. Apakah yang perlu dilakukan oleh pelatih sekiranya menghadapi masalah ketika mengisi borang permohonan secara manual?**  
Sebarang pertanyaan boleh dituju kepada talian 03-27270 9002 / 03-2727 9103 / 03-2727 9000 atau e-mel Kepada [psd.tvet@yayasanpeneraju.com.my](mailto:psd.tvet@yayasanpeneraju.com.my)

### B. PENGHANTARAN DOKUMEN

- 3. Ke manakah borang permohonan serta dokumen perlu dihantar?**  
Borang permohonan yang lengkap bersama dokumen hendaklah dihantar kepada Yayasan Peneraju secara pos (Untuk perhatian: Program Peneraju Skil Dana TVET 2019) atau Bahagian Pengurusan Latihan Pelajar di institusi latihan masing-masing.  
  
Borang permohonan serta dokumen hendaklah dihantar sebelum tarikh tutup permohonan. Borang permohonan yang lengkap dan dihantar sebelum tarikh tamat permohonan sahaja akan disemak.
- 4. Adakah sesi temuduga akan diadakan?**  
Tidak.
- 5. Apakah yang perlu dilakukan sekiranya sijil kelahiran pelatih/ibu/bapa telah hilang atau rosak?**  
Sekiranya sijil kelahiran telah hilang atau rosak, pelatih/ibu/bapa perlulah mendapatkan salinan baru atau membuat cabutan di Jabatan Pendaftaran Negara yang terdekat.
- 6. Adakah dokumen perlu disahkan dan siapakah yang boleh mengesahkannya?**  
Semua dokumen perlu disahkan oleh pihak institusi latihan atau oleh pihak Pengurusan Pusat Pembangunan Kemahiran Negeri, pengurusan dan Professional (Kumpulan A), Pengamal Undang-Undang, Jaksa Pendamai, Pengetua/Guru Besar (Sekolah Kerajaan), Pegawai Polis berpangkat ASP ke atas, Pegawai Tentera berpangkat Kapten atau setaraf dan ke atas, Penghulu, Ketua Kampung, Imam Masjid, Penggawa, Tuai Rumah, Ketua Kaum atau Mukim yang bertauliah.

## 7. Apakah dokumen yang perlu disertakan bersama borang permohonan?

Dokumen yang perlu disertakan adalah seperti berikut:-

Bil	Jenis Dokumen
1	Dokumen pemohon
	Satu (1) keping gambar terbaru pemohon berukuran passport (berwarna)
	Satu (1) salinan Kad pengenalan
	Satu (1) salinan Sijil lahir
	Satu (1) salinan maklumat akaun bank aktif
2	Dokumen ibu / bapa atau penjaga
	Satu (1) salinan Kad pengenalan
	Satu (1) salinan Sijil lahir
	Satu (1) salinan slip gaji / pencen / borang pengesahan pendapatan
	Satu (1) salinan sijil lahir
	Satu (1) salinan slip gaji / pencen / borang pengesahan pendapatan bagi mereka yang telah bekerja
3	Akademik
	Satu (1) salinan sijil SPM/SKM
	Satu (1) salinan sijil tamat persekolahan
	Satu (1) salinan surat tawaran dari institusi
4	Lain-lain (Jika berkenaan)
	Satu (1) Salinan sijil kematian / cerai
	Satu (1) Salinan kad OKU

### C. KEPUTUSAN

#### 1. Bilakah keputusan permohonan yang berjaya akan dimaklumkan?

Keputusan akan diumumkan secara berperingkat mulai bulan November.

#### 2. Bagaimanakah keputusan akan dimaklumkan?

Pemohon yang berjaya akan dimaklumkan melalui e-mel atau SMS. Sila pastikan alamat e-mel dan nombor telefon bimbit yang dinyatakan dalam borang permohonan adalah betul dan terkini. Pemohon digalakkan untuk memeriksa emel dari masa ke semasa agar tidak terlepas apa-apa makluman daripada Yayasan Peneraju.

#### 3. Adakah rayuan boleh dilakukan sekiranya tidak berjaya?

Keputusan adalah muktamad dan sebarang rayuan tidak akan dilayan.

Sebarang persoalan lanjut daripada pihak Tuan/Puan mengenai Peneraju Skil Dana TVET boleh dikemukakan kepada pihak Yayasan Peneraju melalui:

Laman Sesawang : [www.yayasanpeneraju.com.my](http://www.yayasanpeneraju.com.my)

Telefon : 03-27279002/9000/9103/9013

Emel : [psd.tvet@yayasanpeneraju.com.my](mailto:psd.tvet@yayasanpeneraju.com.my)

Facebook : Yayasan Peneraju